

Headline **Radin Umar ketua pengarah pengajian tinggi**
Date **31. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **16**
Section **Nasional** Article Size **94** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Radin Umar ketua pengarah pengajian tinggi

KUALA LUMPUR: Ketua Pengarah Institut Kajian Keselamatan Jalan Raya (Miros), Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi berkuatkuasa Isnin ini.

Beliau menggantikan Datuk Prof Dr Hassan Said yang tamat tempoh pinjamannya pada 30 April lalu.

Menurut kenyataan Kementerian Pengajian Tinggi semalam, pelantikan Radin Umar mendapat persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Radin Umar mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengajian tinggi dan pernah menjadi Timbalan Naib Canselor Akademik dan Hubungan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM) dari 2005 hingga 2006 serta pernah menjawat jawatan Dekan Fakulti Kejuruteraan universiti itu dari 1996 hingga 2004.

Beliau berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kejuruteraan Keselamatan Trafik dari Birmingham University, United Kingdom; Ijazah Sarjana Kejuruteraan dalam bidang Pengangkutan dan Kejuruteraan Trafik (Sheffield) serta Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam bidang Sivil dan Kejuruteraan Struktur (Sheffield).

Kementerian itu percaya sebagai seorang berpengalaman luas, Radin Umar akan dapat memberi sumbangan penting dalam menerajui pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara ke arah kecermerlangan pengajian tinggi negara menjelang 2020. - Bernama.